


A Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



1. "_____ mahu kejadian itu disiasat dengan segera," titah Sultan Mansor.
2. "Mari _____ ke kedai," pelawa Mak Cik Teng kepada jirannya.
3. "Bilakah _____ akan berangkat ke luar negara?" tanya Gilbert kepada rakannya.
4. "Encik Khoh bekerja sebagai guru. _____ telah dianugerahkan guru cemerlang kerana kepakarannya.
5. "Saya menjemput _____ datang ke rumah pada hari Ahad ini," kata Kuan Loong kepada rakan-rakannya.
6. Ini warung Pak Mahmud. _____ telah lama berniaga di sini.

B Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang sesuai.

1. "_____ (Saya, Beta) akan berlepas ke Sarawak pada petang ini," kata Encik Johan.
2. Encik Goh pengarah syarikat yang amat berdedikasi. _____ (Dia, Beliau) selalu menepati masa semasa bertugas.
3. _____ (Mereka, Kamu) sedang berlatih bersungguh-sungguh kerana akan menyertai pertandingan bola sepak peringkat sekolah.
4. "_____ (Kalian, Awak) mesti belajar dengan bersungguh-sungguh," pesan Cikgu Tan kepada murid-muridnya.
5. Anis anak yang berdikari. _____ (Dia, Aku) melakukan semua kerja dengan sendiri.
6. "_____ (Dia, Kamu) hendak ke mana?" tanya Mei Hwa kepadaku.